

PENGETAHUAN TERHADAP PENYEDIAAN RANCANGAN
PERNIAGAAN : SATU TINJAUAN DI KALANGAN
PELAJAR-PELAJAR TAHUN AKHIR SARJANA MUDA
KEJURUTERAAN KUITTHO

YUSNITA BINTI ABD. RAHMAN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUITTHO



3 0000 00123756 7

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

JUDUL : **PENGETAHUAN TERHADAP PENYEDIAAN RANCANGAN
PERNIAGAAN : SATU TINJAUAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR
TAHUN AKHIR SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KUITTHO**

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya **YUSNITA BINTI ABD RAHMAN (770928-11-5210)**
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan kajian kes (PSM / Sarjana / Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat seperti berikut:

1. Kajian kes ini adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan kajian ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT


(Mengandungi maklumat berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/Badan Penyelidikan dijalankan)

**TIDAK
TERHAD**


(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan Oleh:

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
PT 6808 Taman Fikri 2, Fasa 3
24000 Chukai, Kemaman,
Terengganu


Nama Penyelia : TN. HJ. KAMARUDIN
BIN KHALID

Tarikh : 11/03/03

Tarikh : 11/3/03

- CATATAN: *
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjan Muda (PSM)

“Saya/Kami* akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya/kami* karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan : 
Nama Penyelia : TN. HJ. KAMARUDIN BIN KHALID
Tarikh : 11/3/03

* Potong yang tidak berkenaan

PENGETAHUAN TERHADAP
PENYEDIAAN RANCANGAN PERNIAGAAN :
SATU TINJAUAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR
TAHUN AKHIR SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KUITTHO


YUSNITA BINTI ABD RAHMAN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC 2003

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 
Nama Penulis : YUSNITA BINTI ABD RAHMAN
Tarikh : 11/03/03

Teristimewa buat kedua ibu bapa tercinta, terima kasih di atas jasa, pengorbanan, nasihat dan doa kalian selama ini. Buat semua ahli keluarga, kejayaan ini adalah untuk kita bersama dan terima kasih di atas dorongan serta nasihat kalian.....

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, projek ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Ucapan terima kasih dan penghargaan ikhlas buat En. Kamarudin bin Khalid selaku penyelia projek sarjana ini di atas sokongan, bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh pelaksanaan projek sarjana ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pegawai dan kakitangan di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Pusat Pembangunan Usahawan (MEDEC), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam yang memberikan kerjasama dan bantuan dalam mendapatkan maklumat mengenai projek ini.

Tidak dilupakan juga, ribuan ucapan terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan. Begitu juga kepada mana-mana pihak yang turut terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Semoga Allah membalas segala jasa baik kalian di masa akan datang untuk terus berjaya dalam segala bidang yang diceburi.

Wassalam

ABSTRAK

Usahawan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Walau bagaimanapun, jika dilihat senario pada masa sekarang, masih ramai yang kurang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menyelidik tentang tahap kecenderungan kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Kejuruteraan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat (KUiTTHO). Secara khususnya, kajian ini akan menyelidik sejauhmana pengetahuan para pelajar mengenai aspek Rancangan Perniagaan dan pengetahuan dalam penyediaan sesebuah Rancangan Perniagaan bagi sesebuah syarikat. Responden bagi kajian ini adalah seramai 100 orang. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For Social Science*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai tahap pengetahuan yang rendah dalam aspek penyediaan Rancangan Perniagaan dengan skor min 2.24. Oleh itu, beberapa cadangan dikemukakan bagi menangani masalah ini. Di akhir kajian ini juga, satu produk iaitu 'Garis Panduan Penyediaan Rancangan Perniagaan' dibangunkan berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi bagi meningkatkan pengetahuan para pelajar.

ABSTRACT

An entrepreneur plays an important role in developing a country's economies development. However, nowadays lots of people are less interested in entering an entrepreneurship. Therefore, the purpose of this research was to study the level of tendency as the entrepreneur among the final year Bachelor student of Engineering at Tun Hussein Onn University College (KUiTTHO). The study was meant to see how far the students' knowledge on the aspect of a Business Plan and the knowledge in preparing the Business Plan for a company. There were 100 students taken as the respondent. The data were collected through a distribution of a set of questionnaires and being analyzed by SPSS Version 10.0. The findings had shown that the students had the low level knowledge in preparing Business Plan with the score mean 2.24. Therefore, there were several suggestions had been made to overcome the problem. At the end of this study, there was a product of "Guidelines For Preparing A Business Plan" which was developed based on the findings in order to increase the students' knowledge on preparing a Business Plan.

KANDUNGAN

BAB PERKARA	MUKA SURAT
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
PENGESAHAN PENYELIA	
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN PENULIS	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang masalah	3
1.3 Pernyataan masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Skop Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Definisi Istilah dan Operasional	9

II	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	11
2.2	Usahawan dan keusahawanan	12
2.3	Pendidikan Keusahawanan	14
2.4	Keusahawanan Sebagai Satu Kerjaya	16
2.5	Rancangan Perniagaan	18
2.6	Pentingnya Keusahawanan dan Rancangan Perniagaan	20
2.7	Kajian-kajian Lepas	22
III	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	25
3.2	Rekabentuk Kajian	25
3.3	Sumber Data	26
	3.3.1 Data Sekunder	27
	3.3.2 Data Primer	27
3.4	Populasi dan Sampel	27
3.5	Instrumen Kajian	28
3.6	Kaedah Analisis Data	30
	3.6.1 Kaedah Peratusan	30
	3.6.2 Penganalisan Skor Min	31
3.7	Kajian Rintis	32
3.8	Prosedur Kajian	32
3.9	Batasan Kajian	34
3.10	Andaian	34
IV	ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	35
4.2	Analisis Data Bahagian A	36
4.3	Analisis Data Bahagian B	40
4.4	Analisis Data Bahagian C	43
4.5	Analisis Data Bahagian D	48

V	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	55
5.2	Perbincangan	56
5.2.1	Kecenderungan pelajar tahun akhir Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTTHO untuk Melibatkan diri dalam bidang keusahawanan	57
5.2.2	Pengetahuan pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTTHO mengenai aspek Rancangan Perniagaan	58
5.2.3	Pengetahuan pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTTHO Dalam penyediaan sesebuah Rancangan Perniagaan	59
5.3	Kesimpulan	61
5.4	Cadangan	62
5.4.1	Cadangan Kepada Organisasi	63
5.4.2	Cadangan Kajian Lanjutan	64
VI	REKABENTUK PRODUK	
6.1	Pengenalan	66
6.2	Latarbelakang Teori Penghasilan Produk	66
6.3	Rekabentuk Produk	67
6.3.1	Bentuk dan Ciri Produk	67
6.3.2	Kronologi Pembinaan Produk	68
6.3.3	Permasalahan dalam Membina Produk	69
6.3.4	Dokumentasi Produk	69
	RUJUKAN	70
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert	30
3.2	Skor Min dan tafsiran	31
3.3	Prosedur Kajian	33
4.1	Jumlah Sampel Kajian	36
4.2	Jumlah Pelajar Mengikut Bangsa	37
4.3	Jumlah Pelajar Mengikut Kursus	36
4.4	Analisis Skor Min dan Peratusan Bagi Kecenderungan Pelajar Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan	41
4.5	Analisis Skor Min dan Peratusan Bagi Pengetahuan Mengenai Rancangan Perniagaan	44
4.6	Analisis Skor Min dan Peratusan Bagi Pengetahuan dalam Penyediaan Rancangan Perniagaan	48
5.1	Skor Purata	56

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
4.1	Peratusan Sampel Kajian Mengikut Jantina	37
4.2	Peratusan Pelajar Mengikut Bangsa	38
4.3	Peratusan Pelajar Mengikut Kursus	39

SENARAI SINGKATAN

AFTA	Asean Free Trade Area
DEB	Dasar Ekonomi Baru
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JTR	Jabatan Tenaga Rakyat
MEDEC	Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia
Pra-SUS	Pra-Skim Usahawan Siswazah
RP	Rancangan Perniagaan
SPSS	<i>Statistical Packages For Social Science</i>

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK
AI	Jadual Kurikulum KUiTTHO
AII	Jadual Kurikulum Politeknik
B	Borang Soal Selidik
C	Analisis Kebolehpercayaan : SPSS
D	Hasil Analisis
E	Garis Panduan Penyediaan Rancangan Perniagaan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kepesatan pertumbuhan ekonomi negara Malaysia telah mewujudkan peluang-peluang kerjaya yang lebih luas kepada lepasan graduan. Namun begitu, persaingan kerjaya yang lebih hebat telah menyebabkan lepasan graduan ini sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan yang mereka miliki. Para siswazah perlu mengubah corak pemikiran mereka menjadi pencetus atau pencipta pekerjaan dan bukannya sebagai pencari atau penerima pekerjaan semata-mata. Dalam era kemajuan dan permodenan ini, negara amat memerlukan golongan usahawan yang berkaliber dan berwawasan bagi membantu usaha kerajaan untuk menggekal dan meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara.

Kerajaan melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah menggalakkan penglibatan golongan muda untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan terutamanya di dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Peranan usahawan turut menjadi lebih mencabar, kompleks dan pelbagai dalam menyumbang ke arah pembinaan sebuah negara yang maju, dinamik dan progresif. Pelaksanaan *Asean Free Trade Area* atau AFTA sepenuhnya pada tahun 2005 juga nanti akan

memberikan kesan yang lebih mencabar, oleh itu bakal usahawan perlu membuat persediaan awal terutamanya dalam merancang perniagaan yang dijalankan.

Kementerian Pembangunan Usahawan dengan kerjasama Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC) juga telah mengambil begitu banyak inisiatif bagi menggalakkan penglibatan lepasan graduan di dalam bidang keusahawanan dengan melaksanakan pelbagai program seperti program *Pra-Skim Usahawan Siswazah (Pra-SUS)*. Melalui program ini, mereka diberi beberapa latihan seperti *Latihan Asas Perniagaan* yang bertujuan untuk memberikan pendedahan awal kepada bakal usahawan untuk membolehkan mereka melengkapkan diri dan kemahiran di bidang keusahawanan. Program ini juga akan memberikan pendedahan kepada bakal usahawan berkaitan dengan aspek-aspek keusahawanan seperti pengurusan perniagaan, penyediaan rancangan perniagaan dan pengurusan kewangan. *Latihan Asas Keusahawanan Siswazah* juga diwujudkan bagi mendedahkan lepasan graduan kepada bidang keusahawanan dalam menambahkan bilangan usahawan kelas menengah khususnya di kalangan bumiputera. Usahawan yang berpendidikan tinggi adalah perlu untuk menghadapi cabaran globalisasi.

Oleh yang demikian, menyedari hakikat kepentingan keusahawanan bagi pertumbuhan ekonomi negara dan bagi melahirkan golongan usahawan yang berkebolehan dan berdaya saing, tumpuan haruslah diberikan kepada pendidikan keusahawanan. Program-program latihan yang dibentuk adalah penting bagi menyediakan pengetahuan yang mendalam mengenai keusahawanan terutamanya dalam aspek pengurusan. Kejayaan sesebuah perniagaan akan ditentukan oleh pengurusan yang cekap lagi berkesan. Keperluan untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya juga haruslah dilengkapi dengan persediaan yang awal seperti penyediaan rancangan perniagaan, pelan pemasaran, sumber modal dan sebagainya.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kadar pengangguran di kalangan siswazah lepasan universiti dan lain-lain pusat pengajian tinggi pada masa kini amatlah tinggi dan semakin meningkat dari hari ke hari. Jabatan Tenaga Rakyat (JTR) melaporkan bahawa pada awal tahun 2000, terdapat lebih kurang 39,000 graduan menganggur yang mana ia melibatkan 20% hingga 30 % daripada jumlah graduan yang menamatkan pengajian setiap tahun. Manakala statistik terkini yang dikeluarkan oleh JTR pada tahun 2001 menunjukkan bahawa graduan yang menganggur adalah melebihi 46,000 orang. Peningkatan yang tinggi ini telah menjadi isu yang hangat dan sering diperkatakan sehingga ke hari ini.

Peningkatan kadar pengangguran ini adalah disebabkan oleh persaingan yang sengit untuk mendapatkan pekerjaan di pasaran kerja pada masa sekarang. Di samping itu, faktor terlalu memilih pekerjaan atau kerjaya juga adalah penyebab yang menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran di kalangan siswazah. Tidak ramai di antara mereka yang mahu melibatkan diri di dalam bidang keusahawanan ataupun menjadi usahawan kerana mereka masih meragui keupayaan diri dan kurang keyakinan terhadap diri sendiri serta kebolehan yang ada.

Yep Putih (1985), golongan muda hari ini keberatan untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya kerana mereka beranggapan bahawa bidang ini tidak dapat memberikan jaminan masa depan yang cerah berbanding dengan bekerja di sektor awam ataupun swasta. Di samping itu, pelajar di IPTA dan IPTS yang tidak mendapat pendedahan awal juga kurang melibatkan diri di dalam bidang keusahawanan. Keadaan ini boleh dilihat di mana pelajar yang berlatar belakangan kejuruteraan tidak diberikan pendedahan awal tentang bidang perniagaan atau keusahawanan dan senario ini boleh dilihat di KUiTTHO sendiri yang mana hanya menawarkan kursus berkaitan teknikal dan kemahiran sahaja dan tiada kursus keusahawanan dimasukkan ke dalam sukatan pelajarannya.

Cooper (1985) dalam Suria (2001) menyatakan bahawa latar belakang pendidikan mempengaruhi sama ada seseorang itu bersedia atau tidak untuk memulakan sesuatu perniagaan. Pendidikan yang formal membantu menyediakan seseorang usahawan ke arah kejayaan. Menurut Khairuddin (1996) bidang keusahawanan telah dijadikan sebagai pilihan terakhir atau pekerjaan sementara sahaja. Ini bermakna bidang keusahawanan dipilih setelah mereka gagal untuk mendapatkan pekerjaan lain yang dianggap lebih stabil dan membanggakan.

Yep Putih (1985) juga menyatakan bahawa kelulusan akademik dan teknikal bukan menjadi syarat utama untuk berjaya. Ramai orang yang berkelulusan tinggi dan berjaya sebagai eksekutif di syarikat-syarikat besar tetapi gagal mewujudkan dan mengembangkan perniagaannya sendiri. Mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan di bidang-bidang tertentu tetapi tidak mempunyai kualiti-kualiti keusahawanan. Wan Liz (2000) menyatakan bahawa kelemahan usahawan adalah disebabkan oleh sikap negatif terhadap perniagaan, rendah kemahiran dalam bidang perniagaan, kurangnya maklumat perniagaan, lemah pengurusan syarikat, masalah kewangan dan pembiayaan. Namun begitu kadar kegagalan sesebuah perniagaan boleh dikurangkan melalui penyediaan rancangan perniagaan yang lengkap dan teliti.

Menurut Razali (2000), faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan sesebuah perniagaan ialah perancangan yang kurang rapi, model perniagaan yang kurang mantap, modal yang tidak mencukupi dan kegagalan untuk mengutip dan membayar hutang. Perancangan merupakan kunci kejayaan. Langkah pertama yang harus dilakukan ialah merangka sebuah rancangan perniagaan bagi menetapkan arah tujuan perniagaan dalam tempoh masa tertentu. Biasanya, ramai usahawan yang memulakan perniagaan tanpa membuat sebarang perancangan yang teliti. Keupayaan merangka rancangan perniagaan juga adalah agak lemah.

1.3 Pernyataan Masalah

Peratusan graduan lepasan ijazah dalam bidang kejuruteraan semakin meningkat, dan ini menyukarkan mereka untuk mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan yang mereka miliki. Mereka lebih menumpukan untuk mendapatkan pekerjaan di sektor swasta dan awam dan tidak ramai yang ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Walau bagaimanapun wujud segelintir yang berminat untuk menjadi usahawan tetapi tidak mempunyai keyakinan yang tinggi dan tidak tahu langkah-langkah yang perlu dilakukan dalam merancang sesebuah perniagaan.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Abu Daud dan Jamilah (1992), telah mengemukakan beberapa masalah berkaitan dengan penglibatan siswazah dalam bidang keusahawanan. Antaranya termasuklah masalah berkaitan dengan keperluan latihan, sokongan, nasihat, modal, perhubungan dengan pihak-pihak tertentu, tenaga pekerja, pengurusan perniagaan, *perancangan perniagaan*, persaingan, dan pemasaran.

Berdasarkan perbualan dan pemerhatian yang telah diperolehi di KUITTHO juga, kadar penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan adalah pada tahap yang sangat rendah. Pelajar kurang berminat terhadap kerjaya sebagai usahawan adalah kerana mereka tidak pernah didedahkan dengan pendidikan keusahawanan secara formal yang kadangkala menjadi pendorong kepada kecenderungan pemilihan sesuatu kerjaya itu. Keadaan ini boleh dilihat dari mata pelajaran yang ditawarkan dalam peringkat pengajian sama ada di peringkat diploma, ijazah mahupun sarjana yang tidak meletakkan keusahawanan sebagai salah satu mata pelajaran (Lihat Lampiran AI), sedangkan bagi kursus pengajian yang sama di beberapa institusi lain meletakkan keusahawanan sebagai salah satu subjek yang perlu dipelajari oleh para pelajar (Lihat Lampiran AII).

Bagi mengelak dan mengurangkan masalah-masalah yang telah dinyatakan di atas, pengkaji akan menjalankan satu kajian yang mana boleh dijadikan sebagai alat untuk menyebarkan maklumat tentang keusahawanan dan diharap dapat menarik minat, memberikan keyakinan dan menjadi panduan kepada bakal-bakal usahawan iaitu pelajar-pelajar KUiTTHO selepas tamat pengajian kelak.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenalpasti sama ada pelajar-pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO cenderung untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian mereka kelak. Pengkaji juga ingin meninjau tahap pengetahuan pelajar mengenai ilmu keusahawanan terutamanya dalam aspek penyediaan sesebuah pelan perniagaan yang juga dikenali sebagai Rancangan Perniagaan.

Melalui kajian ini, adalah diharapkan ia dapat memberi gambaran kepada pelajar-pelajar mengenai konsep-konsep keusahawanan dan panduan untuk memulakan sesebuah perniagaan. Ini adalah untuk memastikan aspek-aspek perancangan perniagaan difahami dan dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan bagi melahirkan seorang usahawan dan perniaga yang berjaya.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin dijawab adalah seperti berikut:

- i. Adakah pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO cenderung untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan?
- ii. Sejauhmanakah pengetahuan pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO mengenai aspek Rancangan Perniagaan?
- iii. Sejauhmanakah pengetahuan pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO dalam penyediaan sesebuah Rancangan Perniagaan ?

1.6 Skop Kajian

Bidang keusahawanan merupakan bidang yang luas dan mencabar. Oleh yang demikian pendedahan awal tentang keusahawanan adalah amat penting untuk berjaya dalam bidang keusahawanan terutamanya bagi mereka yang ingin menceburi bidang tersebut. Dalam kajian ini pengkaji mengecilkan skop kajian kepada pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Kejuruteraan di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Tumpuan kajian hanyalah pada aspek penyediaan Rancangan Perniagaan sebelum memulakan sesebuah perniagaan.